

Pk. P.U. 60.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MAJLIS DAERAH KRIAN) 1984

- Akta 171.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan (s) seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Daerah Krian dengan ini membuat, dan menurut seksyen 103 Akta yang tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:
- Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Krian) 1984** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Krian sahaja dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1983.
- Tafsiran.
2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—
 “perniagaan” ertinya apa-apa bentuk perniagaan, pertukangan atau aktiviti lain yang dijalankan untuk tujuan keuntungan;
 “sampah tred” ertinya sampah sarap bagi apa-apa tred, perniagaan, perindustrian atau profesion yang dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil ini;
 “Yang Dipertua” ertinya orang yang ada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua, Majlis Daerah Krian termasuklah Setiausaha.
- Lesen.
3. Tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis dalam Majlis Daerah Krian bagi apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Krian dan fee lesennya adalah seperti ditetapkan dalam Jadual kepada Undang-undang Kecil ini.
- Permohonan untuk mendapatkan lesen.
4. (1) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.
 (2) Yang Dipertua boleh menghendaki mana-mana pemohon untuk atau pembaharuan lesen supaya hadir sendiri atau, bagi sesuatu perbadanan atau firma, seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut supaya hadir, semasa lesen dikeluarkan atau dibaharui.
- Bentuk lesen.
5. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa.
- Sahnya lesen.
6. Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga 31hb Disember berikutan tarikh kuatkuasa dan hendaklah dibaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.
- Pindah milik lesen.
7. (1) Sepanjang tempoh sahnya sesuatu lesen dan jika dipohon oleh pemegangnya, Yang Dipertua boleh membenarkan lesen itu dipindah milik kepada orang lain

(2) Fee pindah milik ialah dua puluh peratus daripada fee lesen dalam Jadual.

8. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyenggara tempat atau premis berlesennya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih. Kebersihan.
9. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas sampah yang cukup sebagaimana perlu untuk menyimpan sampah. Mengadakan tong sampah.
10. Semua sampah sarap hendaklah dibubuh dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah atau bekas sampah. Sampah popok/bekas.
11. Semua sampah sarap dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dibuang cara sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa. Pembuangan.
12. Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menyebabkan atau membenarkan darah, air masin, cecair kotor atau lain-lain bahan mengganggu di-onggokan, ditumpahkan atau diserakan ke dalam longkang atau lain-lain tempat awam atau persendirian. Menumpahkan bahan mengganggu.
13. Di tempat atau premis berlesen itu hendaklah ada bekalan air dari paip yang disambungkan ke salur air dari bekalan air awam. Bekalan air.
14. Pemegang lesen hendaklah mengadakan dan menyenggara dalam keadaan baik bilik mandi, jamban pam, tempat buang air kecil dan besen cuci tangan yang cukup bilangannya hingga memuaskan hati Yang Dipertua. Jamban pam dan tempat buang air kecil.
15. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan bahawa pencahayaan cukup diadakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan jika pencahayaan asli tidak mencukupi, langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengadakan pencahayaan buatan. Pencahaya-an.
16. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk pastikan terdapatnya ganti udara yang cukup di tempat dan premis berlesen itu hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan hendaklah menyebabkan tiap-tiap cara ganti udara itu dijaga dalam keadaan baik dan keadaan boleh digunakan. Ganti udara.
17. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk memastikan yang keadaan bersekesak-sesak tidak berlaku. Bersekesak-sesak tidak dibenarkan.
18. Yang Dipertua boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan bagi pekerja-pekerjanya kemudahan-kemudahan yang sesuai dan yang secukupnya seperti bilik mes, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan gerobok dan memperbaikinya jika Yang Dipertua berpendapat kemudahan-kemudahan yang ada itu tidak cukup. Penyediaan bilik mes, deb.
19. Pemegang lesen hendaklah memastikan— Penyediaan.
- (a) bahawa kelengkapan menentang kebakaran yang cukup dipasang hingga memuaskan hati Yang Dipertua;
- (b) bahawa tangga dan jalan keluar yang cukup disediakan dan diselenggarakan; dan

(c) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.

- | | |
|------------------------------------|---|
| Bahan-bahan mudah terbakar. | 20. (1) Simen atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang direkabentuknya telah mendapat kelulusan.
(2) Jika pelarut, larutan atau simen yang mempunyai takat kilat di bawah 73°F disimpan dalam kuantiti yang lebih daripada 10 galen, stor yang tidak mudah terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Yang Dipertua. |
| Bunyi. | 21. Semua bahan hendaklah distor mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah keluaran bahan-bahan berbahaya dan mengganggu darinya. |
| Pembakaran. | 22. Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar atau sampah sarap melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Yang Dipertua. |
| Penyebaran abu-abu. | 23. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membiarkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti abuk, wap asap, wap, haba gas, pancaran, bau, hiduan, getaran, asap atau jelaga tempat atau premis berlesennya yang pada pendapat Yang Dipertua adalah suatu kacauanggu atau yang mencemarkan udara. |
| Bising. | 24. Pemegang lesen semasa menjalankan trodnya tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang merupakan kacauanggu. |
| Waktu menjalankan perniagaan, dth. | 25. Yang Dipertua boleh mengarahkan bahawa sesuatu trod, perniagaan atau perindustrian tidak dibenar dijalankan di suatu tempat atau premis berlesen melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan atau dikenakan oleh Yang Dipertua dan pemegang lesen hendaklah mematuhi mana-mana arahan itu. |
| Kuasa untuk memeriksa. | 26. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang masuk diberi kuasa dengan sempurna olehnya boleh—
(a) memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau yang Yang Dipertua atau pegawai percaya dengan munasabahnya digunakan bagi maksud trod, perniagaan atau perindustrian yang mana lesen adalah dikehendaki di bawah Undang-undang Kecil ini;
(b) meminta daripada pemegang lesen trod, perniagaan atau perindustrian apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan trod, perniagaan atau perindustrian itu dan pemegang lesen atau pekerjaannya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya. |
| Penalti. | 27. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah bersalah atas sesuatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih dua ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan. |
| Pemasukan FMS, GN, 1997/13. | 28. Bahagian VII Undang-undang Kecil Lembaga Bandaran 1935 seperti yang dipakai kepada Majlis Daerah Krian adalah dengan ini dimansuhkan. |

JADUAL

(Undang-undang Kecil 3)

FEE LISEN BAGI TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN

Bil.	Nama Tred, Perniagaan dan Perindustrian	Bayaran Lisen setahun \$
1.	Kedai Kopi	120
2.	Kedai Makanan	120
3.	Kedai membuat roti	240
4.	Kedai dobi/cucian kering persendirian ...	60
5.	Kilang mengisar	120
6.	Menyetor ais krim	120
7.	Menyetor kelapa kering	120
8.	Stesen servis	240
9.	Menyetor dan mempamer kereta untuk jualan	240
10.	Membaiki motosikal	120
11.	Menyetor arang	72
12.	Menyetor getah	72
13.	Menyetor kayu dan papan	240
14.	Menyetor guni	72
15.	Tempat menyimpan bas	240
16.	Mencelop tayar/kerja-kerja vulkani tayar	240
17.	Mengecap, menjual dan membaiki bateel	120
18.	Tukang besi	72
19.	Tukang kayu	72
20.	Peleburan	240
21.	Kilang ais	300
22.	Kilang papan	360
23.	Kilang mengupas udang	360
24.	Kilang pembekuan makanan dari laut ...	360
25.	Kilang membuat ais krim	120
26.	Tukang ayan	120
27.	Membaiki motokar dan jentera	240
28.	Membuat batu-bata, tembikar atau kapor	120
29.	Mengawet ikan	60
30.	Menyembur cat	240
31.	Percetakan	240
32.	Mempamer motosikal	240
33.	Membuat dan membaiki kusyen	120
34.	Membuat gaharu	120
35.	Kedai menjual perabot	120
36.	Membuat dan menyetor atap	30
37.	Membuat dan menyetor belacan	120

<i>Bil.</i>	<i>Nama Tred, Perniagaan dan Perindustrian</i>	<i>Bayaran Leter setahun</i>
		5
38.	Membuat kue-tiau	120
39.	Membuat mi	120
40.	Menyimpan petrol merbahaya tidak lebih 2,000 gelen	120
41.	Menyimpan petrol merbahaya lebih dari- pada 2,000 gelen	160
42.	Menyimpan petrol tidak merbahaya tidak lebih 2,000 gelen	30
43.	Menyimpan petrol tidak merbahaya lebih 2,000 gelen	36
44.	Kedai gambar/jualan alat-alat gambar dan flem	120
45.	Menyimpan barang-barang lama	60
46.	Menjual/menyimpan LPG	60
47.	Menjual dan menyimpan besi atau kedai besi	180
48.	Kedai alat-alat ganti	180
49.	Stesyen Minyak Petrol	200
50.	Kedai buku/alatulis	60
51.	Bank/Firma dan Syarikat Kewangan ...	240
52.	Kedai menjual alat-alat letrik dan elek- tronik	72
53.	Kedai burung/binatang kesayangan ...	60
54.	Kedai/Gedung Ubat	150
55.	Kedai menjual motokat/motosikal ...	120
56.	Membuat barang-barang daripada kayu/ rotan/buluh	120
57.	Kedai menjual kain baju	120
58.	Kedai pajak gadai	120
59.	Kedai Jam	72
60.	Kedai barang runcit	90
61.	Membaki/menjual basikal	72
62.	Kedai barang-barang kaca	120
63.	Kedai tukang jahit	120
64.	Menyimpan hasil-hasil dari tembakau se- perti rokok	120
65.	Kedai emas	120
66.	Panggung Wayang:	
	(a) Panggung Wayang Sementara ...	600
	(b) Tidak melebihi 400 buah kerusi ...	480
	(c) Melebihi 400 buah kerusi ...	600
67.	Pasaraya	240

<i>Bil.</i>	<i>Nama Tred, Perniagaan dan Perindustrian</i>	<i>Bayaran Lesen setahun</i>
		<i>S</i>
68.	Rumah Tumpangan	120
69.	Patil perniagaan	3
70.	Menyiat kulit atau mengeluarkan isi perut binatang	30
71.	Merebus offal, darah, minyak atau tulang	30
72.	Membuat sabun	125
73.	Membuat gam	125
74.	Membuat tembikar atau kapur/kalsium karbonat	180
75.	Mencelup	85
76.	Sabak bata	180
77.	Kilang kulit	200
78.	Menjual atau menyewa pita video, flem, rekod, kaset, katrij atau alat-alat yang serupa	120
79.	Pembuat atau tukang kunci	70
80.	Bilik pameran untuk jentera-jentera dan alat	200
81.	Menyetor mancis (lebih daripada 2400 kotak)	150
82.	Menyetor 'methylated spirit' di dalam tong-tong atau bekas-bekas	45
83.	Membbaiki paip dan/atau menjual pemasangan kebersihan	120
84.	Membina badan kereta motor/lori	300
85.	Kerja sadur elektrik	120
86.	Rumah Tempat Bersalin:	
	(a) Tidak lebih daripada 10 katil	80
	(b) Di antara 11 dan 20 katil	150
	(c) Lebih daripada 20 katil	250
87.	Mengilang plastik atau barang-barang daripada bahan-bahan plastik atau lain-lain bahan-bahan yang sama	200
88.	Menyetor barang-barang oleh Syarikat syarikat Pengangkutan	125
89.	Menyetor kalsium karbit untuk maksud borong	80
90.	Mengilang barang-barang daripada simen termasuk beta simen	250
91.	Taman Hiburan	1000
92.	Dewan Dansa	1000
93.	Dewan Muzik	500
94.	Servis kelengkapan pejabat	70

Bil.	Nama Tred, Perniagaan dan Perindustrian	Bayaran
		Lesen setahun
		\$
95.	Servis dan membaiki pam-pam dan jentera-jentera	125
96.	Kandang kuda, kandang lembu/kerbau, kandang kambing/kambing biri-biri, kandang babi	30—150
97.	Tukang/pembuat kasut	70
98.	Pertunjukan/hiburan bergerak	5—100
99.	Mengilang bekas-bekas dengan jentera ...	125
100.	Loji pemasangan kereta motor atau jentera	1000
101.	Mengilang dan/atau menjual keluaran getah secara borong	360
102.	Menjual keluaran getah secara runcit ...	120
103.	Menyetor besi buruk	150
104.	Mengumpul atau menyetor kain buruk, surat khabar, guni, bulu atau barang-barang buruk	72
105.	Pembersihan logam-logam berharga melalui proses asid	160
106.	Mengilang dan/atau menyetor barang-barang kertas	120
107.	Menyetor cat	120
108.	Memperbaiki dan membuat semula atau menjual ketuhar, penyaman udara dan peti sejuk/mesin jahit	120
109.	Kedai menjual barang-barang pinggan mangkuk/kaca/keluli/aluminium/perak/plastik dan alat-alat pemotong	120
110.	Kedai penjual bunga/pokok pasu ...	120
111.	Tempat semaian	120
112.	Menjual bahan pencuci/racun serangga/racun makhluk perosak dan kimia-kimia lain	120
113.	Membuat iklan/papan tanda/seni ...	120
114.	Gudang:	
	(a) kurang daripada 93m ²	85
	(b) di antara 93m ² dan 186m ²	125
	(c) lebih daripada 186m ²	165
115.	Kerja-kerja kejuruteraan, elektrik/kejuruteraan	200
116.	Mengilang atau membuat semula barang-barang aluminium, tembaga, besi, timah putih, keluli logam-logam lain	200
117.	Kerja-kerja kimpal	120
118.	Mengilang barang-barang daripada rotan	120

Bil.	Nama Tred, Perniagaan dan Perindustrian	Bayaran Lesen setahun S
119.	Membuat kusyen/membuat pakaian/menjual hiasan rumah dan/atau kedai mainan/bunga plastik	120
120.	Menjual alat-alat solek	85
121.	Menjual kelengkapan pejabat	120
122.	Memasang alat-alat hawa dingin dan alat-alat yang serupa kereta-kereta motor	120
123.	Kedai fesyen/sekolah peragawati/butik ...	120
124.	Kedai memotong kaca/membingkai gambar	120
125.	Mencorak/mengukir/silk screening dan perniagaan-perniagaan yang serupa	120
126.	Membuat/menjual kusyen (upholstry) ...	120
127.	Menjual/membaiki timbang dan sukat ...	120
128.	Kedai tayar	200
129.	Membuat dan menjual bahan-bahan bangunan siap dulu	220
130.	Membuat bahan-bahan bangunan/jalan, termasuk genting bumbung, genting lantai, genting dinding, genting mamar dan bahan-bahan yang serupa	200—500
131.	Membuat barang-barang kaca/cermin/piuter/mencalai kaca	360
132.	Membuat/menjual/menyetor baja ...	120
133.	Membuat permaidani/fabrik/dan bahan-bahan yang serupa	360
134.	Membuat kasut/selipar dan lain-lain/pakaian kaki (kecuali terompah)	240
135.	Sekolah tarian/muzik/seni mempertahankan diri/memandu/pendagangan	150
136.	Menjual barang-barang muzik/sukan/letrik/elektronik	150
137.	Mengilang barang-barang toilet/alat solek dan lain-lain barang yang serupa	360
138.	Kedai cermin mata	120
139.	Menyimpan caustic soda	160
140.	Kilang Asbestos	700
141.	Mengilang alkohol industri	400
142.	Akuarium	60
143.	Kedai empat nombor/tiga nombor ekor/100	500
144.	Menjual barang-barang terpakai	120
145.	Kedai kasut	60
146.	Kedai arak (pemborong atau runcit) ...	120

Bil.	Nama Tred, Perniagaan dan Perindustrian	Bayaran Lesen setahun S
147.	Kedai mencegah karat/mengilat kereta ...	120
148.	Kedai makanan binatang	120
149.	Penyediaan atau membuat sagu, ubi kayu dan hasil yang diperbuat daripadanya	150
150.	Mengawet ikan atau mengilang ikan atau lain-lain baja	150
151.	Gelanggang lumba kereta kecil, saloon billiard	120
152.	Lesen untuk lain-lain proses yang dikira mendatangkan kecederaan kepada kesih- hatan atau bahaya kehidupan	240
153.	Lesen untuk setiap perusahaan atau per- niagaan yang merbahaya atau menimbul- kan bau yang busuk atau menyebabkan bunyi yang bising	240
154.	Lain-lain perdagangan, perniagaan atau perusahaan yang tidak diperuntukan dalam undang-undang kecil ini	120
155.	Rumah penye'enggara mayat	100

Diperbuat pada 29hb Jun 1983.
[MD Krian 51/71; PU Pk. 36/76.]

MOHD SHARIFF BIN NOORANI,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Krian

Disahkan pada 1hb Ogos 1984.
[PSUK Pk. (KT) 21045/1.]

MOHD. SHAHAR BIN HAJI ALANG SAIDIN,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak

LOCAL GOVERNMENT ACT, 1976

LICENSING OF TRADES, BUSINESSES AND INDUSTRIES (KRIAN DISTRICT COUNCIL) BY-LAW 1984

Act 171.

In exercise of the powers conferred by paragraph (s) of section 102 of the Local Government Act, 1976, the Krian District Council hereby makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following by laws:

Citation,
application
and com-
mencement.

1. These by-laws may be cited as the **Licensing of Trades, Businesses and Industries (Krian District Council) By-Laws 1984** and shall apply only to the Krian District Council area and shall be deemed to have come into force on 1st January 1983.